

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian sudah benar-benar meneliti cadangan untuk memansuhkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada Perumahan Mampu Milik (RMM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Perumahan Malaysia (PPM) adalah bertujuan untuk menambah baik ciri-ciri unit kediaman terutama dari aspek mempertingkatkan keluasan lantai minima unit rumah daripada 700kps kepada 900kps selaras dengan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019.

2. Selain itu, melalui cadangan penjenamaan semula ini, harga jualan unit rumah PPR atau PPM juga akan dinilai semula pada harga RM300,000 dan ke bawah. Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui program sedia ada, unit-unit PPR yang telah siap akan dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan terpaksa menanggung

penyediaan subsidi yang hampir mencecah RM150,000 bagi seunit rumah. Oleh yang demikian, KPKT berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak Kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang.

3. Walaupun cadangan penjenamaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah yang ketara, Kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *Rent to Own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KPKT dengan institusi kewangan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, cadangan KPKT untuk penjenamaan semula PPR ini telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 20 Ogos 2019. Oleh yang demikian, sebarang pandangan dan ulasan yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan diteliti dan diberi perhatian dalam cadangan penjenamaan semula PPR agar dapat memenuhi keperluan sebenar ciri-ciri kediaman yang sempurna untuk rakyat.

Sekian, terima kasih.